

BAB TIGA

BAB 3

PANDANGAN ISLAM TERHADAP WANITA BEKERJA

3.1 PENGENALAN

Islam seringkali disifatkan sebagai suatu agama yang melarang wanita bekerja dan menegah mereka dari membabitkan diri dalam politik dan hal-hal kemasyarakatan. Persoalan ini boleh menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat. Untuk melihat sejauh mana kebenarannya, bab ini akan membincangkan mengenai pandangan Islam terhadap wanita bekerja. Pendapat beberapa orang ulama turut diambil kira sama ada pro atau kontra dengan mengemukakan hujah masing-masing. Antaranya seperti pandangan Dr. Yūsuf al-Qaradāwī yang dipetik dari bukunya *Markaz al-Mar'ah fī al-Ḥayāh al-Islāmiyyah*. Selain itu bab ini turut membicarakan tentang pandangan Barat terhadap wanita bekerja.

Di samping itu, penulisan dalam bab ini juga akan membincangkan tentang kedudukan pekerjaan dalam Islam, faktor-faktor wanita bekerja, hukum dan syarat-syarat wanita Islam dibenarkan bekerja serta implikasi penglibatan mereka dalam lapangan pekerjaan selain mengupas tentang kerjaya wanita pada zaman nabi dan rasul.

3.2 KEDUDUKAN PEKERJAAN DALAM ISLAM

Dalam Islam pekerjaan mempunyai taraf kemuliaan yang tinggi, yang tidak dapat dibandingkan dengan mana-mana agama mahupun kebudayaan. Ia merupakan suatu yang amat dituntut serta diberikan ganjaran pahala bagi sesiapa yang menunaikannya.¹

Sebagai agama yang lengkap, Islam sentiasa menjamin hak-hak pekerjaanya. Antaranya dengan memastikan pekerja tidak dipaksa melakukan pekerjaan yang bertentangan dengan kemahuannya atau diberikan bebanan kerja yang terlalu banyak.²

Al-Quran telah menjelaskan bahawa salah satu fungsi manusia sebagai khalifah Allah s.w.t. di atas muka bumi ini ialah untuk memakmurkan alam dengan bekerja mencari rezeki bagi memenuhi keperluan-keperluan asasi seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal yang selesa dan sempurna. Firman Allah s.w.t.:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ
Surah al-Jumu'ah (62): 10

Maksudnya: "Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah."

¹ Labib al-Sa'id (1987), *Pekerjaan dan Kaum Buruh Serta Analisa dari Sudut Islam*. Dr. Mat Sa'ad Abd Rahman (terj.), c. 2. Shah Alam: Hizbi, hal. 1-3.

² Hakim Mohamad Said (1989), *Hubungan Majikan Pekerja Menurut Islam*. Yusof Ismail (terj.), Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, hal. 145.

FirmanNya lagi:

وَاتَّبِعْ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا
Surah al-Qaṣaṣ (28): 77

Maksudnya: “Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia.”

Selain daripada itu Firman Allah s.w.t.:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا
Surah al-Baqarah (2): 168

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik.”

Berdasarkan dari ayat-ayat di atas, dapat difahami bahawa bekerja merupakan sebahagian dari tuntutan Islam ke atas umatnya sama ada lelaki mahupun wanita.

3.3 PANDANGAN ISLAM TERHADAP WANITA BEKERJA

Wanita pada zaman yang serba moden ini tidak boleh dipisahkan lagi dengan lapangan pekerjaan kerana ia telah menjadi sebahagian daripada kehidupan mereka. Fenomena wanita Islam keluar bekerja pada hari ini bukan lagi suatu perkara yang dianggap luar biasa dan pelik. Rata-rata wanita walau di mana sahaja mereka berada, telah melibatkan diri dalam pelbagai bidang pekerjaan.

Oleh itu, persoalan yang berkaitan dengan wanita dan kerjaya sering diperkatakan oleh masyarakat umum dan diperbincangkan dengan meluas termasuklah di kalangan tokoh-tokoh agama. Ini memandangkan masih wujud lagi kekeliruan di kalangan masyarakat dalam persoalan ini sehingga ada yang menyalah tafsirkan kebebasan yang sepatutnya ada pada seorang wanita yang keluar bekerja.

Islam sebagai *al-dīn* yang lengkap telah menentukan garis-garis yang menjadi panduan kehidupan kaum wanita. Walaupun kaum wanita tidak diwajibkan mencari nafkah untuk menanggung sara hidup diri dan keluarganya namun ini tidak bermakna Islam secara mutlak menghalang mereka dari keluar bekerja.³ Islam tetap menggalakkan kaum wanita supaya bergerak cergas di dalam pembangunan masyarakat. Namun penglibatan tersebut hendaklah berdasarkan kepada pengukuhan peranan mereka dalam mengembangkan kegiatan yang dibenarkan oleh agama, dalam lingkungan dan ruang lingkup Islam di samping mempergiatkan lagi usaha untuk mencegah semua perkara yang bertentangan dengan Islam.⁴

Secara umumnya, dengan menukarkan arus kegiatan ini tidak pula mengurangkan fungsi wanita sebagai seorang individu dan anggota masyarakat malah akan menambahkan lagi skop penglibatan mereka dalam kehidupan secara keseluruhannya. Untuk mencapai tujuan tersebut pembentukan iman dan

³ Dr. Muhammad 'Aqilah (1990), *Nizām al-Ushrah fī al-Islām*, jil. 2. Oman: Maktabah al-Risālah al-Hadith, hal. 301; lihat juga 'Abdur Rahmān I. Doi (1992), *Women in Shari'ah (Islamic Law)* c. 4. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, hal. 149.

⁴ Abdul Wahab Zakaria (1993), "Kepimpinan Wanita Islam Dahulu dan Kini", dalam Abdul Ghani Shamssuddin (ed), *Tokoh-Tokoh Wanita Mithaliyah*, c. 2. Selangor Darul Ehsan: Budaya Ilmu Sdn. Bhd., hal. 93.

penerapan nilai akhlak adalah penting kerana hanya dengan pembentukan peribadi yang mulia setiap individu berupaya memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan ummah di sepanjang zaman.

Wanita bekerja yang mempunyai keimanan yang mantap dan nilai-nilai akhlak yang mulia dan terpuji, tahu menjaga maruah diri. Mereka mampu mengelakkan diri daripada terjerumus kepada perkara-perkara yang bertentangan dengan Islam ketika berada di luar rumah. Wanita yang berperibadi demikian berjaya mendokong fungsinya yang asas sebagai seorang suri rumah, ibu dan isteri serta berjaya pula menyertai kehidupan bermasyarakat secara positif dan efektif menurut tuntutan Islam.

Dalam masalah wanita bekerja di luar rumah, para ulama merumuskan bahawa wanita pada asalnya tidak perlu keluar dari rumahnya untuk mencari pekerjaan bagi menyara hidup diri dan keluarganya kecuali dalam dua keadaan darurat iaitu:⁵

- i) Tidak ada orang lain yang dapat menyara hidupnya. Contohnya apabila datang ujian daripada Allah s.w.t. seperti suami meninggal dunia, sakit atau hilang upaya.
- ii) Masyarakat memerlukan kepakaran yang ada padanya. Contohnya seperti doktor sakit puan, jururawat serta pendidik.

⁵ Al-Syaikh Khālid 'Abd al-Rahmān al-'Ak ((1998), *Syakṣiyyah al-Mar'ah al-Muslimah*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, hal. 118; lihat juga Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī (1996), *Markaz al-Mar'ah fī al-Hayāh al-Islāmiyyah*. Kaheerah: Maktabah Wahbah, hal. 160-162; lihat juga Muḥammad al-Sayyid Muḥammad al-Za'balāwī (1984), *al-Umūmah fī al-Qur'ān al-Karīm wa al-Sunnah al-Nabawiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risālah, hal. 165.

Dalam kedua-dua keadaan tersebut, wanita diharuskan bekerja. Namun mereka mestilah menceburi bidang pekerjaan yang sesuai dengan kewanitaannya, menjaga kehormatan diri dan memelihara batas-batas agama dan akhlak yang dituntut ke atasnya. Semua ini disyariatkan oleh Islam dengan tujuan untuk menjaga kemuliaan diri wanita tersebut dan ia amat bertepatan dengan kisah yang terdapat dalam surah al-Qaṣaṣ. Firman Allah s.w.t.:

وَلَمَّا وَرَدَ مَاءَ مَدْيَنَ وَجَدَ عَلَيْهِ أُمَّةٌ مِنَ النَّاسِ يَسْقُونَ وَوَجَدَ مِنْ دُونِهِمْ
 امْرَأَتَيْنِ تَذُودَانِ قَالَ مَا خَطْبُكُمَا قَالَتَا لَا نَسْقِي حَتَّى يُصَدِرَ الرِّعَاءَ وَأَبُونَا شَيْخٌ
 كَبِيرٌ

Surah al-Qaṣaṣ (28): ayat 23.

Maksudnya: “Dan tatkala ia sampai di telaga air negeri Madyan ia dapati di situ sekumpulan orang lelaki sedang memberi minum (binatang ternakan masing-masing) dan ia juga dapati di sebelah mereka dua perempuan yang sedang menahan kambing-kambingnya. Ia bertanya apa hal kamu berdua? Mereka menjawab: Kami tidak memberi minum (kambing-kambing kami), sehingga pengembala-pengembala itu membawa balik binatang ternakan masing-masing dan bapa kami seorang yang terlalu tua umurnya.”⁶

Ayat di atas menyebut tentang kehidupan keluarga Nabi Syu'aib a.s. di mana dua orang anak gadisnya bekerja sebagai pengembala kambing untuk menyara kaum keluarganya.⁷ Menerusi surah tersebut juga diceritakan pertemuan Nabi Musa a.s. dengan puteri-puteri Nabi Syu'aib. Nabi Musa ketika itu sedang melarikan diri dari Firaun yang mengancam untuk membunuhnya kerana Nabi Musa tidak mengakui Firaun sebagai Tuhān. Ketika dia sampai di telaga air di negeri Madyan, di situ dia dapati ada sekumpulan lelaki sedang memberi minum

⁶ Negeri Madyan ialah negeri Nabi Syu'aib a.s. dan kedua-dua perempuan itu ialah anaknya. Oleh kerana Nabi Syu'aib pada masa itu terlalu tua umurnya dan tidak ada anak lelaki maka kedua-dua anak perempuannya itulah yang mengembala kambing.

⁷ Kurd, Jawad 'Alī (1951), *al-Mufaṣṣal fi Tārīkh al-'Arab Qabl al-Islām*, jil. 8. Baghdad: al-Thaqāfah, hal. 11.

binatang ternakan masing-masing. Sebelah mereka ada dua orang perempuan yang sedang mengawal kambing ternakannya. Lantas Nabi Musa bertanya kepada dua gadis tersebut apa yang mereka buat di situ. Kedua-dua gadis tersebut menyatakan mereka sedang menunggu untuk memberi minum kepada binatang ternakannya setelah ⁴pengembala-pengembala lelaki itu membawa balik binatang ternakan mereka. Ini semua terpaksa dilakukan sendiri kerana bapa mereka sudah terlalu tua dan merekalah yang terpaksa keluar bekerja sebagai pengembala binatang ternakan untuk memenuhi keperluan keluarga.⁸

Ini bermakna Islam tidak melarang wanita daripada keluar bekerja pada masa-masa yang diperlukan sama ada untuk kepentingan dirinya sendiri, keluarga, masyarakat atau sebagainya. Cuma wanita yang bekerja dikehendaki mematuhi prinsip-prinsip asas yang dianjurkan dalam agama Islam seperti menutup aurat, menjauhkan diri dari sebarang unsur yang boleh menimbulkan fitnah, mengawal kesopanan serta terjamin dari sebarang maksiat dan kemungkaran.⁹

Walau bagaimanapun wanita yang bekerja masih tidak terlepas daripada tanggungjawab dan tugas asasinya dalam rumahtangga sama ada sebagai seorang isteri, ibu ataupun anak. Ini penting kerana pengabaian setiap daripada

⁸ 'Abd Allāh Syahātah (1993), *al-Mar'ah fi al-Islām Bain al-Mādī wa al-Hādīr*. T.T.P: al-Hai'ah al-Miṣriyyah al-'Āmah li al-Kitāb, hal. 189-190; lihat juga Dr. 'Abd al-Karīm Zaidān (1997), *al-Mufaṣṣal fi Ahkām al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim fi al-Syari'ah al-Islāmiyyah*, c. 3. Beirut: Muassasah al-Risālah, hal. 268.

⁹ Ibn Qayyim Abū 'Abd Allāh al-Dimāsyqī (1953), *al-Ṭuruq al-Ḥukmiyyah fi al-Siyāsah al-Syari'ah*. Kaherah: T.P., hal. 14; lihat juga Maznah Daud et al. (2000), "Pandangan Islam Mengenai Wanita Bekerja", *Seminar Jabatan Pusat Pendidikan Islam*. Pusat Pendidikan Islam, 23 Februari 2000, hal. 1; lihat juga Labib al-Sa'id (1987), *op. cit.*, hal. 62.

tanggungjawab tersebut boleh menimbulkan pelbagai masalah dan kepincangan lain seperti masalah sosial, akhlak, moral, psikologi dan sebagainya.

3.4 PANDANGAN BARAT TERHADAP WANITA BEKERJA

Di sepanjang zaman, sejarah telah banyak mencatatkan penindasan yang dilakukan oleh kaum lelaki terhadap kaum wanita. Begitu juga dalam soal wanita bekerja, mereka tidak terkecuali daripada menjadi mangsa kepada kebuasan kaum lelaki. Di Barat, pekerja wanita masih lagi ditindas dengan pelbagai bentuk penganiayaan. Antaranya mereka dibayar dengan gaji yang lebih rendah berbanding dengan pekerja lelaki dan kebajikan mereka diabaikan oleh majikan.¹⁰

Menjelang abad yang ke 18 dan 19 iaitu semasa berlakunya Revolusi Perancis, keperluan terhadap tenaga kerja wanita semakin mendesak. Situasi ini telah memberi ruang kepada kaum wanita untuk mendapatkan pekerjaan serta mengubah struktur ekonomi dan status mereka dalam masyarakat.¹¹ Namun, kesempatan ini telah digunakan oleh pihak majikan atau pemodal untuk mengeksploitasi kaum wanita. Mereka dipaksa bekerja untuk suatu tempoh masa yang panjang dengan ganjaran yang tidak setimpal dengan titik peluh mereka.¹²

¹⁰ Mustafa Haji Daud (1994), *Pekerjaan dan Perusahaan Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., hal. 68.

¹¹ Afzalur Rahman (1987), *Encyclopedia of Sejarah*, jil. 5. London: Seerah Foundation, hal. 44; lihat juga Dennis Sherman (ed) (1987), *Western Civilization Images and Interpretations*, jil. 2, c. 2. New York: Alfred A. Knopf, hal. 168.

¹² Mustafa Haji Daud (1994) *op. cit.*, hal. 68; lihat juga Werner Thonnessen (1973), *The Emancipation of Women . The Rise and Decline of The Women's Movement in German Social Democracy 1863-1933*. Frankfurt: Pluto Press, hal. 7; lihat juga Fadhliah Sarnap (2001), *Pembinaan Sistem Kekeluargaan Islam*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa, hal. 32.

Untuk mendapatkan pekerjaan pula, wanita terpaksa mengorbankan kehormatan diri mereka. Wanita diperas dan ditindas dan dalam masa yang sama segala kemuliaan, kehormatan dan keperluan psikologi serta material mereka dirampas.

Lantaran penindasan demi penindasan yang terpaksa dihadapi oleh kaum wanita, mereka akhirnya bangkit memperjuangkan hak-hak mereka yang selama ini dinafikan. Justeru, muncullah gerakan feminisme yang memperjuangkan hak-hak wanita dengan pelbagai slogan, tuntutan dan sebagainya. Antaranya mereka menuntut persamaan hak dengan kaum lelaki sama ada dari aspek ekonomi, politik mahupun sosial. Di Barat gerakan yang turut dikenali sebagai *Women's Liberation Movement* (Pergerakan Pembebasan Wanita) atau *Women's Right Movement* (Pergerakan Hak-hak Wanita) mula mendapat tempat dan perhatian dari kaum wanita khususnya.¹³

Walau bagaimanapun, gerakan feminisme ini tetap gagal mengembalikan hak-hak yang sepatutnya ada pada kaum wanita kerana sehingga ke hari ini, nasib kaum wanita Barat masih belum terbela. Sebagai contohnya masih wujud perbezaan yang ketara antara pekerja lelaki dengan pekerja wanita sama ada dari sudut gaji atau bidang pekerjaan kerana wanita Barat hanya layak berkecimpung dalam lapangan pekerjaan yang berstatus rendah seperti setiausaha ataupun jurujual dengan gaji yang lebih rendah berbanding dengan pekerja lelaki.¹⁴

¹³ Wendy Harcourt (ed) (1994), *Feminist Perspective on Sustainable Development*. London: Zek Books, hal. 187.

¹⁴ *Ibid.*, hal. 194.

Berdasarkan penjelasan di atas, nyata wujud perbezaan yang amat ketara antara pandangan Islam terhadap wanita bekerja dengan pandangan Barat. Apa yang jelas, Islam sentiasa mengambil berat dan mengiktiraf kedudukan dan peranan kaum wanita dalam semua aspek termasuklah dalam soal wanita bekerja. Berbeza dengan Barat, wanita mereka masih lagi ditindas dan dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu dengan sewenang-wenangnya.

3.5 KERJAYA WANITA PADA ZAMAN NABI-NABI

Kehidupan manusia dalam apa jua keadaan sentiasa memerlukan bermacam-macam keperluan. Untuk memenuhi pelbagai keperluan hidup, mereka perlu berusaha dengan pelbagai cara dan kaedah. Keadaan ini terus berlaku sejak zaman primitif sehinggalah zaman sekarang. Sejak zaman berzaman juga sejarah telah membuktikan bahawa wanita telah turut sama membantu keluarga dalam usaha mencari rezeki dan membina kehidupan mereka. Dalam hal ini, wanita dan anak gadis kepada seseorang nabi juga tidak terkecuali daripada bekerja mencari nafkah sara hidup keluarga.

Kisah penglibatan anak gadis Nabi Syu'aib dalam mencari nafkah hidup ini menunjukkan bahawa dalam menjalani kehidupan harian ada ketikanya kaum lelaki memerlukan bantuan daripada kaum wanita. Ini memberikan suatu gambaran atau sifat masyarakat yang semula jadi iaitu masyarakat yang sentiasa memerlukan khidmat wanita.

Ini juga membuktikan bahawa wanita yang bekerja mencari nafkah bukanlah suatu perkara yang luar biasa dalam sejarah hidup manusia. Ia sendiri

telah berlaku pada zaman nabi-nabi yang terdahulu. Ini menunjukkan bahawa lelaki dan wanita harus saling bantu membantu dan khidmat wanita dalam masyarakat adalah suatu keperluan yang tidak dapat dihalang ataupun disekat. Ia juga menunjukkan fungsi wanita bukan hanya dari sudut biologinya sahaja iaitu untuk mengandung, melahirkan, menyusu atau mendidik anak bahkan wanita juga boleh melibatkan diri dalam kegiatan di luar rumah.

Wanita Islam pada zaman Rasulullah s.a.w. turut melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti hidup sama ada dalam bidang sosio-budaya, ekonomi, perusahaan, pendidikan dan politik negara.¹⁵ Cuma kegiatan mereka sesuai dengan keadaan dan suasana masyarakat Islam pada zamannya. Sebagai contohnya wanita pada zaman Nabi s.a.w. menceburkan diri dalam lapangan pertanian seperti menabur biji benih dan membawa balik hasil pertanian ke rumah untuk disimpan. Mereka juga mengutip kayu api daripada pokok di padang pasir dan mengambil air dari perigi umum untuk minuman dan penyediaan makanan harian keluarga. Penglibatan wanita Arab dalam lapangan pertanian ini tetap berterusan walaupun setelah mereka memeluk agama Islam dan Rasulullah s.a.w. sama sekali tidak melarang mereka daripada melakukan pekerjaan tersebut.¹⁶ Antara wanita Islam yang terlibat dalam bidang pertanian pada zaman Rasulullah s.a.w. ini ialah seperti Asmā' binti Abū Bakr, isteri

¹⁵ Dr. 'Ismih al-Din Karkar (1993), *al-Mar'ah fī al-'Ahdī al-Nabawī*. Beirut: Dār al-Gharbī al-Islāmī, hal. 307.

¹⁶ Faisal Hj. Othman (1993), *Kedudukan dan Peranan Wanita Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., hal. 54; lihat juga 'Abdur Rahmān I. Doi (1992), *op. cit.*, hal. 149.

kepada al-Zubair b. al-Awwām iaitu ipar kepada Nabi sendiri. Baginda menyaksikan pekerjaan tersebut dan tidak pernah pula melarangnya.¹⁷

Selain itu, wanita Islam pada zaman Baginda juga turut melibatkan diri dalam lapangan perusahaannya dan pertukangan seperti membuat kerja kraf tangan yang halus yang kebanyakannya hanya dilakukan di rumah sahaja.¹⁸ Antaranya ialah seperti Zainab binti Jahsy isteri kepada Rasulullah s.a.w. sendiri. Beliau bekerja membersihkan kulit-kulit binatang dan menjahitnya. Hasil kerjanya dijual dan pendapatan yang diperolehi disedekahkan kepada fakir miskin.¹⁹

Mereka juga turut berniaga di pasar Madinah ataupun di tempat-tempat lain. Ini bertujuan untuk membantu ekonomi keluarga khususnya dan ekonomi negara umumnya, sehingga lahirah tokoh-tokoh peniagaan yang masyhur dan berjaya seperti Umm al-Munzir binti Qays yang berniaga tamar dan Asmā' binti Makhzumah yang berniaga minyak wangi.²⁰

Di samping itu ada wanita yang mengambil upah menyusukan anak atau bayi yang baru lahir sebagai salah satu kerjaya yang lumrah pada zaman tersebut. Ini kerana sebahagian daripada wanita Arab apabila melahirkan anak, mereka akan mencari ibu susuan untuk menyusukan anak mereka dengan memberikan bayaran atau upah mengikut kadar yang telah ditetapkan.²¹

¹⁷ Muḥammad al-Ghazālī (1990), *Qadāyā al-Mar'ah Bain al-Taqālīd al-Rakidah wa al-Wāfidah*. Kaherah: Dār al-Syurūk, hal. 37.

¹⁸ Afzalur Rahman (1987), *op. cit.*, hal. 178.

¹⁹ Syed Ahmad Semait (ed) (1990), *100 Tokoh Wanita Terbilang*, c. 2. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, hal. 177; lihat juga Labib al-Sa'īd (1987), *op. cit.*, hal. 61.

²⁰ Faisal Hj. Othman (1993), *op. cit.*, hal. 40; lihat juga al-Syaikh Khālid 'Abd al-Raḥmān al-'Ak (1998), *op. cit.*, hal. 118-119; lihat juga Dr. Yūsuf al-Qaradāwī (1996), *op. cit.*, hal. 144.

²¹ Faisal Hj. Othman (1993), *op. cit.*, hal. 54-62.

Daripada situasi ini jelas bahawa Islam telah mengisytiharkan pemberian hak kepada wanita untuk bekerja dan mendapatkan upah hasil daripada pekerjaan tersebut dan mereka bebas pula membelanjakannya mengikut keperluan masing-masing.²² Perbuatan ini adalah sah dan suatu yang halal di sisi agama.²³ Firman Allah s.w.t.:

وَمَا تَتَمَنَّوْنَ مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَى بَعْضٍ لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبُوا
وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبْنَ وَاسْأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ
عَلِيمًا

Surah al-Nisā' (4): 32

Maksudnya: "Dan janganlah kamu terharap-harap (ingin mendapat) limpah kurnia Allah yang telah diberikan kepada sebahagian dari kamu (untuk menjadikan mereka) melebihi sebahagian yang lain (tentang harta benda, ilmu pengetahuan atau pangkat kebebasan). (Kerana telah tetap) orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan; (maka berusahalah kamu) dan pohonlah kepada Allah akan limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu."

Perkataan *iktisāb* dalam ayat di atas tidak boleh diertikan sebagai harta warisan yang diperolehi melalui warisan pusaka kerana harta pusaka tidak sama sekali melibatkan usaha tulang empat kerat, sebaliknya ia lebih merupakan suatu pemberian.²⁴ Justeru itu, ayat di atas merujuk kepada usaha yang dilakukan oleh kaum lelaki mahupun wanita. Masing-masing layak mendapat ganjaran yang setimpal dengan hasil usaha mereka sesuai dengan bidang tugas yang telah

²² Dr. 'Alī 'Abd al-Wāhid Wāfī (t.t.), *al-Mar'ah fī al-Islām*. Kaheerah: Maktabah Gharīb, hal. 13-14.

²³ Dr. 'Abd al-Karīm Zaidān (1968), *Uṣūl al-Da'wah*. Baghdad: Dār al-Nadhir li al-Tibā'ah wa al-Nasyr, hal. 134-135; lihat juga Labib al-Sa'id (1987), *op. cit.*, hal. 60.

²⁴ Abī Ja'far Muḥammad b. Jarir al-Ṭabarī (1992), *Tafsīr al-Ṭabarī al-Musammā Jāmi' al-Bayān fī Ta'wil al-Qur'ān*, jil. 4. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, hal. 51.

ditentukan olehNya.²⁵ Ini membuktikan bahawa Islam mengiktiraf pemberian ganjaran yang sama antara lelaki dengan wanita.²⁶

Hakikatnya Islam telah menentukan beberapa norma akhlak dan peraturan kemasyarakatan yang perlu dipatuhi untuk menjamin kestabilan dan kesejahteraan hidup. Kehidupan harian masyarakat Islam sama ada lelaki atau perempuan adalah sama. Setiap orang berusaha dan bekerja dengan cara masing-masing untuk memenuhi tuntutan dan keperluan harian sesuai dengan saranan yang diberikan oleh al-Quran dan al-Sunnah.

3.6 PENDAPAT ULAMA TENTANG KEHARUSAN WANITA BEKERJA

Dalam soal keharusan wanita keluar bekerja, terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama. Ada ulama yang berpendapat wanita dibenarkan bekerja di luar rumah dan ada pula yang berpendapat sebaliknya.²⁷

3.6.1 Wanita Dibenarkan Bekerja di Luar Rumah

Penglibatan kaum wanita di zaman awal Islam dalam pelbagai bidang termasuk dalam aspek pembangunan negara telah dijadikan hujah bagi mereka yang mengatakan bahawa Islam pada prinsipnya mengharuskan wanita turut

²⁵ Abi 'Abd Allāh Muḥammad b. Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī (1952), *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*, jil. 5, c. 2. Mesir: Maktabah Dār al-Kitāb, hal. 164; lihat juga Prof. Dr. Hamka (1999), *Tafsir al-Azhar*, jil. 2, c. 3. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, hal. 1186.

²⁶ Al-Syaikh Khālid 'Abd al-Raḥmān al-'Ak (2000), *Ādāb al-Ḥayāh al-Zaujiyyah fi Dāu' al-Kitāb wa al-Sunnah*, c. 7. Beirut: Dār al-Ma'rifah, hal. 311.

²⁷ Fatimah binti Ali (1995), "Pandangan Islam Terhadap Wanita Bekerja", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 3, Disember 1995, hal. 166-174.

terlibat dalam usaha membangunkan negara. Ini kerana wanita juga merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat dan sumbangan tenaga serta kepakaran mereka amat diperlukan dalam pelbagai sektor pekerjaan. Namun begitu perbezaan fizikal, sifat dan emosi antara lelaki dan wanita menjadikan fungsi asasinya turut berlainan. Ini jelas sebagaimana firman Allah s.w.t.:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ
أَمْوَالِهِمْ

Surah al-Nisā' (4): 34

Maksudnya: "Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka."

Antara ulama yang mengharuskan wanita bekerja di luar rumah ialah Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī. Beliau berpendapat Islam tidak mengharamkan penglibatan wanita dalam lapangan kerjaya kerana tidak ada nas syarak yang secara mutlak mengharamkannya. Bahkan wanita dituntut bekerja dalam keadaan yang tertentu. Contohnya apabila mereka bercerai atau tidak pernah berkahwin dan dalam masa yang sama mereka tidak mempunyai sumber kewangan serta keluarga.²⁸

Dr. 'Abd al-Karīm Zaidān (1997) berpendapat seseorang wanita diharuskan bekerja di luar rumah dengan tujuan untuk membantu suami sebagaimana kisah Asmā' binti Abī Bakr yang bekerja untuk membantu

²⁸ Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī (1996), *op. cit.*, hal. 160-161.

suaminya al-Zubair. Keadaan ini termasuk dalam situasi darurat yang memerlukan sumbangan dan khidmat dari kaum wanita.²⁹

Selain itu Muṣṭafā Aḥmad al-Zarqā menerusi bukunya *Fatāwā Muṣṭafā al-Zarqā* turut berpendapat wanita diharuskan bekerja di luar rumah. Ini berdasarkan keperluan manusia itu sendiri untuk melaksanakan urusan agama dan dunia meliputi di dalam mahupun di luar rumah, tanpa mengira perbezaan jantina. Namun beliau menyatakan wujud perbezaan bidang tugas antara lelaki dan wanita dengan tujuan saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Di samping itu walaupun wanita bekerja di luar rumah, tanggungjawab asasinya terhadap rumahtangga tetap tidak berkurangan.³⁰

Walaupun bagaimanapun kaum wanita yang keluar bekerja masih tertakluk kepada syarat-syarat tertentu dan mereka dikehendaki memenuhi syarat-syarat tersebut ketika keluar bekerja. Selain itu mereka juga berkewajipan menjalankan tugas-tugas asasinya sama ada sebagai seorang anak perempuan, isteri mahupun sebagai seorang ibu.

3.6.2 Wanita Tidak Dibenarkan Bekerja di Luar Rumah

Faisal Hj. Othman (1993) menjelaskan terdapat juga di kalangan para ulama yang berpendapat wanita tidak harus bekerja di luar rumah. Mereka menyatakan wanita Islam yang mulia tidak harus melibatkan diri dengan sebarang aktiviti-aktiviti luar ataupun menceburkan diri dalam sebarang lapangan

²⁹ Dr. 'Abd al-Karīm Zaidān (1997), *al-Mufaṣṣal fī Ahkām al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim fī al-Syari'ah al-Islāmiyyah*, c. 3. Beirut: Muassasah al-Risālah, hal. 269-270.

³⁰ Muṣṭafā Aḥmad al-Zarqā (1999), *Fatāwā Muṣṭafā al-Zarqā*. Damsyik: Dār al-Qalam, hal. 245.

pekerjaan. Hujah mereka adalah berasaskan bahawa agama Islam telah meletakkan wanita di tempat yang mulia dan terhormat dengan membebaskan mereka daripada sebarang tanggungjawab kemasyarakatan. Dalam hal ini Islam hanya mempertanggungjawabkan lelaki untuk menanggung sara hidup keluarga termasuklah nafkah terhadap kaum wanita.

Segala perbelanjaan tertanggung ke atas lelaki sama ada suami, bapa, saudara lelaki, bapa saudara, anak lelaki atau sesiapa sahaja saudara lakinya yang terdekat. Mereka mendakwa meminggirkan wanita di rumah dan mengkhhususkan peranan wanita Islam hanya sebagai isteri, ibu dan pendidik anak-anak adalah sebagai simbol syiar agama Islam. Mereka juga beranggapan masyarakat Islam yang membenarkan wanita bekerja adalah masyarakat Islam yang sudah rosak serta dipengaruhi oleh kebudayaan Barat.³¹

Antara ulama yang tidak mengharuskan wanita bekerja ialah al-Ustaz Abdullah bin Ibrahim al-Jarullah. Beliau berpendapat kaum wanita tidak disyariatkan bekerja di luar rumah berdasarkan jasmaninya yang lemah dan biologi diri mereka seperti didatangi haid, mengandung, bersalin, menyusu dan mendidik anak.³²

Selain daripada itu, beliau juga menyebut beberapa hukum atau ketetapan mengenai wanita yang membuktikan Islam tidak mensyariatkan wanita bekerja, antaranya ialah:³³

³¹ Faisal Hj. Othman (1993), *op. cit.*, hal. 3-4.

³² Abdullah bin Ibrahim al-Jarullah (1990), *Kewajipan Wanita Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., hal. 98-99.

³³ *Ibid.*, hal. 100-101.

- a. Wanita adalah aurat dan mereka diwajibkan menutup aurat (seluruh badannya kecuali muka dan dua tapak tangannya).
- b. Wanita diharamkan mendedahkan muka jika pendedahannya boleh menimbulkan fitnah.
- c. Wanita diharamkan bergaul secara bebas dengan lelaki asing (lelaki yang dibolehkan berkahwin dengannya).
- d. Wanita diharam menjonjolkan perhiasan dan dirinya kepada lelaki asing.
- e. Wanita sentiasa sibuk dengan urusan rumahtangga (pekerjaan yang wajar dengan fitrahnya).
- f. Wanita adalah fitnah atau ujian yang boleh menyebabkan lelaki tergoda.

Seorang lagi ulama yang mempunyai pendapat yang sama ialah Muhammad al-Sayyid Muhammad al-Za'balāwī. Beliau menjelaskan Islam tidak menuntut wanita bekerja untuk mencari nafkah sama ada untuk sara hidup dirinya atau untuk menampung perbelanjaan keluarga dan anak-anak. Ini kerana sara hidup seorang wanita ditanggung oleh lelaki sama ada bapa, saudara lelaki atau suami mereka sekadar yang termampu.³⁴

3.7 FAKTOR-FAKTOR WANITA BEKERJA

Al-Za'balāwī (1984) menyebut faktor-faktor yang mendorong wanita untuk keluar bekerja. Antaranya ialah untuk:³⁵

³⁴ Muhammad al-Sayyid Muhammad al-Za'balāwī, (1984), *op. cit.*, hal. 165.

³⁵ *Ibid.*, hal. 177; lihat juga Noor Aini Khalifah et al. (1996), "Dwikerjaya", dalam Rahmah Ismail dan Zaini Mahbar (ed), *Wanita dan Pekerjaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 28-29; lihat juga Asmawati Baharuddin dan Norhalim Ibrahim (1996), *Peranan Ibumbapa*. Kajang: Makruf Publisher and Distributors Sdn. Bhd., hal. 84-86.

3.7.1 Menampung keperluan diri sendiri

Terdapat di kalangan wanita yang terpaksa bekerja kerana tidak ada mana-mana lelaki ataupun wali yang boleh dipertanggungjawabkan untuk menyara kehidupannya. Situasi ini memaksa mereka berdikari dengan bekerja untuk mencari sumber pendapatan sendiri daripada terus membiarkan dirinya hidup melarat dengan bergantung kepada belas ihsan daripada masyarakat semata-mata.

3.7.2 Menambah pendapatan keluarga

Dalam kehidupan yang serba mencabar sekarang wanita turut bekerja untuk mencari rezeki bagi menambah pendapatan keluarga. Contohnya mereka bekerja untuk membantu suami, ayah, abang dan sebagainya supaya kehidupan tidak lagi dibelenggu dengan kesempitan hidup dan kemiskinan.

3.7.3 Memberikan sumbangan kepakaran

Antara faktor yang turut mendorong wanita bekerja ialah kerana ingin menyumbangkan kepakaran yang mereka ada kepada masyarakat yang memerlukan khidmat dan bantuan daripada pekerja wanita. Dengan ini masyarakat tidak lagi hanya mengharapkan kepada kepakaran dan tenaga kerja lelaki semata-mata. Contohnya kepakaran dalam bidang sakit puan yang mesti diberikan kepada para pesakit wanita.

3.7.4 Menambah pengalaman

Wanita turut bekerja kerana ingin menambah pengalaman melalui suasana persekitaran di tempat kerja yang lebih luas dan terbuka. Ini mematangkan mereka dalam menjalani kehidupan seharian yang serba mencabar. Pengalaman seperti ini tidak akan diperolehi oleh seorang wanita yang tinggal di rumah semata-mata.

3.7.5 Memberikan sumbangan dari segi keperluan tenaga kerja

Faktor lain yang mendorong wanita bekerja ialah kerana ingin menyumbangkan tenaga kerja mereka. Ini kerana kejayaan sesuatu bangsa dan negara turut bergantung kepada ramainya bilangan pekerja. Oleh kerana kaum wanita merupakan sebahagian besar daripada penduduk negara, maka sumbangan mereka amat bermakna dalam menentukan kejayaan pembangunan negara.

3.7.6 Mengangkat darjat atau kehormatan seseorang wanita

Salah satu faktor yang mengangkat kehormatan seseorang wanita ialah kerana kemampuannya untuk berdikari dan memenuhi segala keperluan hidup tanpa bergantung kepada orang lain. Dalam keadaan yang tertentu penghormatan tersebut tidak diperolehi kecuali dengan bekerja.

Faktor-faktor ini adalah antara penyebab kenapa majoriti wanita pada hari ini sentiasa berusaha untuk mendapatkan kerjaya yang mantap dalam bidang

masing-masing. Mereka tidak mahu ketinggalan di belakang dengan hanya membiarkan orang lain yang meraih peluang tersebut sedangkan diri mereka hanya terbelunggu di rumah dengan rutin harian yang sama. Pada pandangan mereka, keadaan ini merugikan dan kerana itulah wanita sedaya upaya berusaha untuk mencari peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan, pencapaian akademik dan kemahiran masing-masing.

3.8 SYARAT-SYARAT WANITA ISLAM DIBENARKAN BEKERJA

Walaupun wanita hari ini ghairah untuk keluar bekerja sama ada untuk membantu keluarga, memenuhi keperluan masyarakat, mengisi masa lapang, berdikari dan sebagainya, masih terdapat beberapa syarat dan etika yang perlu dititikberatkan oleh mereka. Ini supaya mereka benar-benar dapat berperanan sebagai wanita solehah yang berjaya melaksanakan setiap amanah dan tanggungjawabnya sama ada di rumah mahupun di tempat kerja. Setiap daripada syarat ini jika berjaya dipenuhi, dapat memenuhi tuntutan Islam yang sebenarnya dalam konteks seseorang wanita keluar bekerja.³⁶ Menurut 'Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn (1986),³⁷ antara syarat-syarat wanita dibenarkan bekerja di luar rumah ialah:

³⁶ Shaikh Abdullah b. Jarullah (1991), *Muslimah Inilah Cara Hidupmu*. Drs. Mohd Zen Karim (terj.), Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas, hal. 109-110.

³⁷ 'Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn (1986), *'Amal al-Mar'ah wa Mawqif al-Islām Minhu*. Al-Mansūrah: Dār al-Wafa', hal. 116-118.

3.8.1 Menutup Aurat

Wanita yang keluar bekerja dikehendaki sentiasa menutup aurat serta menjaga batas-batas agama, akhlak, tingkah laku dan budi pekerti mereka.

Firman Allah s.w.t.:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لَأَزْوَاجِكُمْ وَبَنَاتِكُمْ وَنِسَاءَ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلَابِيبِهِنَّ
ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَنْ يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا

Surah al-Aḥzāb (33): 59

Maksudnya: “Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Firman Nya lagi:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَعْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُدْنِينَ زِينَتَهُنَّ
إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ

Surah al-Nūr (24): 31

Maksudnya: “Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang bertakwa supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka.”

Menerusi ayat di atas, Allah s.w.t. memerintahkan kepada kaum wanita agar menahan pandangan mereka dari perkara-perkara yang haram, memelihara kemaluan mereka dari perbuatan zina dan melabuhkan tudung hingga ke paras

dada.³⁸ Di samping itu, kaum wanita juga dilarang dari memperlihatkan perhiasan mereka kepada lelaki *ajnabi* (lelaki yang boleh berkahwin dengan wanita tersebut) melainkan bahagian-bahagian tertentu yang dikecualikan. Ini bermakna wanita hanya dibenarkan memperlihatkan perhiasan mereka kepada kaum lelaki seperti suami, bapa, bapa mertua, anak lelaki, adik beradik lelaki serta anak-anak saudara lelaki.³⁹

Namun begitu terdapat perbezaan pandangan di kalangan ulama tentang maksud 'kecuali yang zahir daripadanya'. Ada yang berpendapat antara perkara yang terangkum di bawah maksud 'kecuali yang zahir daripadanya' ialah:⁴⁰

- a. Pakaian.
- b. Muka.
- c. Muka dan dua tapak tangan.
- d. Perhiasan seperti cincin, celak mata dan inai.
- e. Telekung, jubah dan perhiasan seumpamanya.

Mazhab Hanbali, Hanafi dan Syafi'i mempunyai dua pandangan tentang aurat wanita merdeka di luar waktu sembahyang. Sebahagiannya berpendapat aurat wanita ialah seluruh badannya kecuali muka dan dua tapak tangan. Muka dan dua tapak tangan wanita halal dilihat oleh lelaki *ajnabi* jika aman daripada fitnah. Namun ia wajib ditutup jika dibimbangi mendatangkan fitnah.

³⁸ Al-Imām Abī al-Fidā' al-Ḥāfiẓ Ibn Kathīr al-Dīmasiyqī (1993), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Kaerah: Al-Maktabah al-Qayyimah, hal. 269-270.

³⁹ S. Abul A'la Maududi (1980), *Purdah and The Status of Woman in Islam*. Al-Ash'ari (terj.), c. 5. Lahore: Islamic Publications Ltd., hal. 185; lihat juga al-Sayyid Ḥāsyim al-Mūsūwī (1997), *al-Niẓām al-Ijtimā'ī fī al-Islām*, c. 2. Tehran: al-Jumhūriyyah al-Islāmiyyah, hal. 78; lihat juga Fatimah binti Ali (1995), *op. cit.*, hal. 169.

⁴⁰ Al-Syaikh Khālid 'Abd al-Rahmān al-'Ak (1998), *al-Muḥarramāt 'alā al-Mar'ah al-Muslimah fī Ḍau al-Qur'ān wa al-Sunnah*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, hal. 300; lihat juga 'Abd Allāh Syahātah (1993), *op. cit.*, hal. 59; lihat juga Dr. 'Abd al-Karim Zaidān (1968), *op. cit.*, hal. 141.

Sebahagian yang lain dari mazhab Ḥanbalī dan Syafī'ī pula menganggap aurat wanita ialah semua badannya tanpa sebarang pengecualian manakala sebahagian dari Hanafī pula berpendapat aurat wanita ialah seluruh badan kecuali muka, dua tapak tangan, dua tapak kaki serta pergelangannya. Bagi mazhab Maliki, mereka hanya mempunyai satu pendapat iaitu muka dan kedua tapak tangan wanita sebagai tidak aurat.⁴¹

Selain itu wanita juga dilarang daripada *bertabarruj* (bersolek) secara berlebih-lebihan sama ada dari segi perhiasan, minyak wangi atau memakai pakaian dengan warna-warna yang mengghairahkan.⁴² Firman Allah s.w.t.:

وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْنَ تَبَرُّجَ الْجَاهِلِيَّةِ الْأُولَى
Surah al-Aḥzāb (33): 33

Maksudnya: "Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang jahiliah zaman dahulu."⁴³

Pada hakikatnya Islam menghalalkan perhiasan bagi kaum wanita sesuai dengan fitrah keinginannya. Namun Islam tetap mengatur dan mengawalinya agar tidak keterlaluan sehingga melebihi batas yang ditetapkan. Bagi perhiasan yang ternampak pada tangan dan muka, ia harus didedahkan kerana mendedahkan muka dan dua tangan adalah harus.⁴⁴ Sabda Rasulullah s.a.w.:⁴⁵

⁴¹ Dr. Yūsuf al-Qaradāwī (1999), *al-Niqāb li al-Mar'ah Bain al-Qawl bi Bid'iyatihī..wa al-Qawl bi Wujūbihī*, c. 2. Kaherah: Maktabah Wahbah, hal. 23-28; lihat juga Muḥammad 'Alī al-Ṣābūnī (t.t.), *Rawā'ik al-Bayān Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*, jil. 2. T.T.P.: Dār al-Bayān al-'Arabī, hal. 154.

⁴² Muḥsin 'Atāwī (1979), *al-Mar'ah fī al-Taṣawwur al-Islāmī*. T.T.P.: al-Dār al-Islāmiyyah, hal. 138; lihat juga al-Sayyid Ḥāsyim al-Mūsawī (1997), *op. cit.*, hal. 78; lihat juga Dr. Muḥammad 'Aqīlah (1990), *op. cit.*, hal. 58.

⁴³ Semasa keluar hendaklah mereka memakai pakaian yang sopan dan jangan mendedahkan aurat seperti cara kaum jahiliah.

⁴⁴ Sayyid Qutb (1998), *Tafsīr fī Zilāl al-Qur'ān*, j. 4, c. 27. Beirut: Dār al-Syurūk, hal. 2512.

حدثنا يعقوب بن كعب الأنطاكي ومومل بن الفضل الحراقي قال حدثنا الوليد عن سعيد بن بشر عن قتادة عن خالد قال يعقوب ابن دريك عن عائشة رضی اللہ عنہا أن أسماء بنت أبي بكر دخلت على رسول اللہ صلی اللہ علیہ وسلم وعليها ثياب رفاق فاعرض عنها رسول اللہ صلی اللہ علیہ وسلم وقال يا أسماء ان المرأة اذا بلغت المحيض لم تصلح أن یؤی منها الا هذا وهذا وأشار الى وجهه وكفيه.

Maksudnya: "Daripada Ya'qūb b. Ka'ab al-Intāki dan Mu'mal b. al-Faḍl al-Ḥarāni, daripada al-Walīd, daripada Sa'īd b. Basyir, daripada Qatādah, daripada Khālid berkata Ya'qūb: Ibn Duraik daripada Ā'isyah r.a., bahawa Asmā' binti Abi Bakr telah masuk berjumpa Rasulullah s.a.w. dengan memakai pakaian yang nipis. Baginda lantas berpaling daripadanya dan bersabda: Wahai Asmā', sesungguhnya wanita apabila telah sampai umur atau baligh tidak boleh dilihat daripadanya kecuali ini dan ini, dan Baginda menunjukkan ke arah muka dan dua tapak tangannya."

Islam sebagai agama yang mementingkan keindahan tetap menggalakkan umatnya berhias supaya sentiasa dipandang indah dan bersih kerana Islam adalah agama yang suci. Begitu juga dengan wanita, mereka dibolehkan berhias dengan cara yang paling sederhana bagi keselesaan diri sendiri serta terhindar dari perasaan riak dan ingin bermegah-megah.⁴⁵ Apa yang penting, sebagai seorang pekerja Muslimah mereka harus memenuhi tuntutan agama apabila berada di luar rumah terutamanya dalam hal yang berkaitan dengan akhlak, menutup aurat, berhias dan sebagainya.

⁴⁵ Al-Imām al-Hāfiẓ Abi Dāwud Sulaimān b. al-'Asy'ab al-Sajastāni al-Azdi (1997), *Sunan Abi Dāwud*, jil. 4. Kitāb al-Libās, Bāb fī Mā Tubdī al-Mar'ah min Zīnatahā, no. hadith 4104, Beirut: Dār Ibn Ḥazm.

⁴⁶ Drs. Wan Aminurrashid (2002), *Etiket Islam Panduan Sopan-Santun*. Bentong: PTS Publications and Distributor Sdn. Bhd., hal. 81-84.

3.8.2 Aman Daripada Fitnah

Fitnah dari sudut bahasa bermaksud percubaan dan ujian.⁴⁷ Menurut *Kamus Dewan* fitnah bermaksud tuduhan (khabar, kisah dan lain-lain) yang diada-adakan (dibuat-buat) untuk memburukkan atau membencanakan seseorang dan lain-lain.⁴⁸

Aman daripada fitnah pula bermaksud bebas daripada tuduhan dan sangkaan buruk yang boleh mengaibkan diri dan keluarga. Setiap wanita mestilah menjauhkan diri daripada sebarang unsur yang boleh menimbulkan fitnah, tohmahan dan keraguan di kalangan masyarakat. Ini termasuklah pergaulan bebas di antara lelaki dan wanita yang bukan *mahram*, berhias secara berlebihan, berdua-duaan dengan rakan sekerja lelaki, melunakkan suara ketika bercakap dengan lelaki, tidak menjaga adab sopan serta tata susila dan sebagainya.⁴⁹ Semasa berada di tempat kerja, wanita diharuskan bercakap dengan lelaki apabila ada keperluan sahaja, malah bercakap melalui telefonpun jika tidak penting tidak digalakkan kerana ia antara unsur yang boleh menimbulkan fitnah.⁵⁰ Firman Allah s.w.t.:

⁴⁷ Dr. al-Sayyid al-Jumaili (1991), *Fitnah al-Nisā'*. Beirut: Dār al-Bihār, hal. 10.

⁴⁸ Noresah Bt. Baharom et al. (ed) (1996), *Kamus Dewan*, edisi ketiga, c. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 353.

⁴⁹ Al-Syaikh Muḥammad al-'Abāsī Khalīfah (1984), *Imra'ah wa al-Tarbiyah al-Islāmiyyah*. Kuwait: Maktabah al-Falah, hal. 42-49; lihat juga Murtaza Mutahhari (t.t.), *The Islamic Modest Dress*. Iran: Dar Us Seqafe, hal. 62; lihat juga al-Syaikh Khālid 'Abd al-Raḥmān al-'Ak (2000), *op. cit.*, hal. 336.

⁵⁰ 'Abbās Hasan al-Husaini (t.t.), *Dustūr al-Nisā' al-Mar'ah al-Zaujah al-'Um*. T.T.P.: Dār al-Nasyr Hātiyyah, hal. 28; lihat juga Noritah Sulaiman (2001), "Bersalaman Antara Lelaki Dengan Perempuan", *Al-Islam*. Utusan Melayu (Malaysia) Bhd., bil. 327, Mac 2001, hal. 36; lihat juga Sakinah Najihah (2001), "Ikhtilat (Percampuran) Semasa Hari Raya", *Muslimah*. Kuala Lumpur: Al-Muslimah, bil. 170, Februari 2001, hal. 26-29.

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ
 إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ

Surah al-Nūr (24): 31

Maksudnya: “Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang bertakwa supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka.”

Sabda Rasulullah s.a.w.:⁵¹

حدثنا محمد بن بشار حدثنا يحيى سعيد القطان عن ثابت بن عمارة الحنفي
 عن غنيم بن قيس عن أبي موسى عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: كل
 عين زانية والمرأة اذا استعطر تفرغت بالمجلس فهي كذا وكذا يعني زانية.

Maksudnya: “Daripada Muḥammad b. Basyār, daripada Yahyā b. Sa’id al-Qaṭān daripada Thābit b. ‘Imārah al-Ḥanafī daripada Ghunāim b. Qis daripada Abī Mūsā daripada Nabi s.a.w. bersabda: setiap mata itu berzina, dan seseorang wanita yang memakai bau-bauan dan melewati satu majlis adalah umpama penzina.”

Sekiranya wanita yang bekerja pada hari ini terdedah kepada fitnah, maka fitnah itu mestilah dihapuskan terlebih dahulu. Sekiranya tidak, wanita dilarang daripada menjawat jawatan yang mendedahkannya kepada sesuatu yang terlarang kerana ia menjadi perantaraan kepada yang haram.⁵² Pada masa tersebut adalah lebih wajar sekiranya wanita tersebut hanya tinggal di rumah dan melaksanakan kewajipannya terhadap rumahtangga.⁵³

⁵¹ ‘Abī ‘Isā Muḥammad b. ‘Isā b. Sūrah (t.t.), *al-Jāmi’ al-Sahīḥ wahuwa Sunan al-Tirmidhī*, jil. 5. Kitāb al-Adab, Bāb Mā Jā’ Fī Karāhiyah Khurūj al-Mar’ah Muta’attirah, no. hadith 2786, T.T.P.: Dār al-Ḥadīth.

⁵² ‘Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn (1986), *op. cit.*, hal. 116-118.

⁵³ Masruhan Khotib al-Hafis (1995), *Pembentukan Generasi Cemerlang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 18.

3.8.3 Mendapat Keizinan Suami Ataupun Wali

Dalam Islam, wanita yang ingin keluar bekerja disyaratkan mendapat keizinan daripada pihak suami atau walinya terlebih dahulu.⁵⁴ Tanpa keizinan tersebut, seseorang wanita tidak dibenarkan untuk bekerja. Maksud wali ialah bapa, datuk, abang, adik lelaki dan sebagainya bagi wanita yang belum berkahwin dan janda. Keizinan suami atau wali menjadi syarat membolehkan wanita keluar bekerja kerana lelaki sebagai pemimpin dan penjaga wanita, merekalah yang menjaga kemaslahatan dan menanggung kesusahan hidup dalam menyara keluarga. Lelaki jugalah yang bertanggungjawab terhadap wanita di hadapan Allah dan dalam masyarakat. Keistimewaan yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada lelaki ini adalah kerana mereka lebih mampu memahami hidup berdasarkan penglibatannya dalam masyarakat dan dapat mengawal perasaan serta menggunakan akal dalam membuat tindakan.⁵⁵

Firman Allah s.w.t.:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ
أَمْوَالِهِمْ

Surah al-Nisā' (4): 34

Maksudnya: "Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka."

⁵⁴ Dr. 'Abd al-Karīm Zaidān (1997), *op. cit.*, hal. 34-35.

⁵⁵ 'Abd al-Hāfiẓ 'Abd Muḥammad al-Kubaisī (t.t.), *Wa Yas 'alūnaka 'An al-Mar'ah? Wa Fiqh bi Tā'mil wa Hayād li al-Dirāsah Maqām Hawwā' fi al-Islām*. Baghdad: Maktabah al-Watāniyyah, hal. 65-66; lihat juga 'Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn (1986), *op. cit.*, hal. 118.

3.8.4 Pekerjaan Tersebut Tidak Bertentangan Dengan Sifat Semulajadi

Wanita

Wanita juga hendaklah memilih pekerjaan yang sesuai dengan sifat-sifat kewanitaan mereka.⁵⁶ Mereka tidak seharusnya memilih pekerjaan yang berlawanan dengan fitrah semulajadi mereka yang lemah lembut dan bersopan santun.⁵⁶ Ini kerana Islam telah memberikan keutamaan kepada wanita dalam menguruskan rumahtangga sebagai tugas asasi mereka. Pekerjaan yang berat dan penuh kerenah menyebabkan keletihan yang seterusnya memberi impak terhadap pelaksanaan tugas-tugas mereka sebagai seorang surirumah, isteri dan ibu.⁵⁷

Firman Allah s.w.t.:

مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ وَلَكِنْ يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمْ وَلِيُتِمَّ نِعْمَتَهُ عَلَيْكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Surah al-Mā'idah (5): 6

Maksudnya: "Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan (kepayahan), tetapi Ia berkehendak membersihkan (mensucikan) kamu dan hendak menyempurnakan nikmatNya kepada kamu, supaya kamu bersyukur."

Ayat di atas menunjukkan Allah s.w.t. tidak mahu menyusahkan hambaNya bahkan sentiasa memberi kemudahan bagi sesiapa yang berusaha. Oleh itu mengapa pula wanita mahu menyusahkan diri dengan terlibat dalam bidang pekerjaan yang tidak sepatutnya dilakukan oleh mereka.

⁵⁶ Nūr al-Dīn 'Atīr (1978), *Mā dhā 'An al-Mar'ah*. Beirut: Dār al-Fikr, hal. 168-169.

⁵⁷ 'Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn (1986), *op.cit.*, hal. 119-120.

Antara bidang pekerjaan yang dianggap sesuai dengan fitrah semulajadi seorang wanita ialah pendidik, doktor, jururawat dan lain-lain pekerjaan yang tidak bertentangan dengan hukum syarak dan naluri kewanitaannya.⁵⁸ Mereka tidak seharusnya memilih pekerjaan yang lebih sesuai untuk kaum lelaki seperti bidang ketenteraan,⁴ pembinaan, pertukangan kayu dan besi dan lain-lain pekerjaan yang lebih lasak dan mendatangkan risiko yang tinggi. Ini kerana pekerjaan tersebut menyebabkan wanita terdedah kepada umum dan berlakunya percampuran dengan lelaki *ajnabi*. Dalam masa yang sama ia juga tidak sesuai dengan sifat-sifat kewanitaan yang telah dianugerahkan oleh Allah s.w.t. kepada kaum hawa.⁵⁹

Al-Qaradāwī (1996) menyebut antara kesan kecenderungan wanita melibatkan diri dalam sektor pekerjaan yang tidak sesuai dengan fitrah biologinya ialah memudaratkan diri wanita itu sendiri.⁶⁰ Ini kerana selain dari sifat-sifat kewanitaannya boleh terjejas, ia turut mendatangkan risiko yang merbahaya termasuklah gangguan kesihatan.⁶¹

3.8.5 Pekerjaan Tersebut Tidak Menguasai Kaum Lelaki

Wanita yang bekerja juga tidak dilarang daripada memegang jawatan tinggi sekalipun menjadi ketua kepada para pekerja lelaki. Namun begitu ia tidak

⁵⁸ Mustafa al-Ghailāyīnī (1928), *Nadharāt fī Kitāb al-Ṣūfur wa al-Hijāb*. Beirut: Mathābī' Quzīmā, hal. 84; lihat juga Dr. Yūsuf al-Qaradāwī (1996), *op. cit.*, hal. 161; lihat juga Mustafā Aḥmad al-Zarqā (1999), *op. cit.*, hal. 245.

⁵⁹ 'Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn (1986), *op. cit.*, hal. 121.

⁶⁰ Dr. Yūsuf al-Qaradāwī (1996), *op. cit.*, hal. 157.

⁶¹ Jamilah Ariffin (1992), *Women and Development in Malaysia*. Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., hal. 75; lihat juga Khoo Hoon Eng (1983), "Hazards Faced by Women at Work", dalam Evelyn Hong (ed), *Malaysian Women Problems and Issues*. Penang: Consumers' Association of Penang, hal. 80-81; lihat juga Judith E. Albino dan Lisa A. Tedesco (1984), "Women's Health Issues", dalam Annette U. Rickel *et al* (ed), *Social and Psychological Problems of Women Prevention and Crisis Intervention*. Washington: Hemisphere Publishing Corporation, hal. 160-161.

termasuk jawatan sebagai ketua negara atau ketua pemerintah kepada sesebuah negara. Sabda Rasulullah s.a.w.:⁶²

أخبرنا محمد بن المثنى قال: حدثنا خالد بن الحارث قال: حدثنا حميد عن الحسن بن أبي بكر قال عاصمني الله بشيء سمعته من رسول الله صلى الله عليه وسلم لما هلك كيسرى قال: من استخلفوا؟ قالوا: بنته قال لن يفلح قوم ولوا أمرهم امرأة

Maksudnya: “Daripada Muḥammad bin al-Muthanna berkata daripada Khālid bin al-Ḥārith berkata daripada Ḥumāid daripada al-Ḥasan daripada Abī Bakrah berkata, aku mendengar daripada Rasulullah s.a.w. ketika Raja Kisra meninggal, Baginda bertanya siapa yang menggantikannya? Mereka menjawab anak perempuannya. Rasulullah s.a.w. bersabda tidak akan berjaya sesuatu kaum sekiranya mereka melantik wanita sebagai ketua negara.”

Hadis tersebut dilafazkan oleh Rasulullah s.a.w. ketika Baginda mendengar orang-orang Parsi telah melantik Puteri Kisra yang jahil dan tidak tahu mengurus negara sebagai raja. Dalam soal wanita bekerja pula, hadis di atas tidak boleh dijadikan alasan untuk menolak perlantikan wanita menjadi ketua kepada sesebuah jabatan atau organisasi kerana ia berbeza dengan jawatan sebagai ketua negara.

Namun begitu ‘Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn (1986) berpendapat hadis di atas termasuk larangan melantik wanita menjadi pemimpin kepada lelaki walaupun jawatan tersebut bukan sebagai pemimpin tertinggi negara. Contohnya dengan melantik wanita sebagai menteri, ketua polis dan lain-lain pekerjaan yang mempunyai unsur-unsur penguasaan ke atas kaum lelaki. Alasannya, wanita tidak

⁶² Al-Imām al-Siyūṭī wa al-Sindī (1999), *Sunan al-Nasā’ī*. Kitab Adāb al-Quḍāh, Bāb al-Nahy ‘An Isti‘māl al-Nisā’ fī al-Ḥukmi, no. hadith 5403, Kaheerah: Dār al-Hadith.

sesuai menonjolkan diri dalam sebarang majlis dan tidak boleh bercampur dengan lelaki yang bukan *mahramnya*, tidak kira sama ada wanita tersebut masih gadis atau sudah berumah tangga.⁶³

Selain daripada lima syarat di atas, Dr. Yūsuf al-Qaradāwī (1996) juga menambah beberapa syarat lain bagi seseorang wanita yang ingin bekerja. Antaranya ialah pekerjaan yang halal. Setiap wanita yang mahu bekerja perlu memastikan pekerjaan yang dilakukan adalah pekerjaan yang halal dan tidak bertentangan dengan hukum syarak. Ini kerana pekerjaan adalah sumber rezeki mereka. Oleh itu wanita dilarang menceburkan diri dalam lapangan pekerjaan yang bertentangan dengan Islam seperti menjadi penyanyi atau penari di pusat-pusat hiburan, menjadi pelayan kepada lelaki di kelab-kelab malam (Pegawai Perhubungan Pelanggan atau GRO), pelacur dan sebagainya.⁶⁴

Di samping itu, setiap wanita yang keluar bekerja juga perlu menyedari hak dan tanggungjawab mereka sama ada sebagai seorang isteri, ibu, pekerja dan sebagainya. Ini supaya setiap tanggungjawab tersebut dapat dilaksanakan dengan baik. Dalam masa yang sama, tidak ada mana-mana pihak yang merasa terabai ataupun terpaksa menanggung kerugian sama ada di pihak keluarga wanita tersebut mahupun di pihak majikan tempat mereka bekerja.

Al-Qaradāwī (1996) berpendapat, wanita yang bekerja tidak harus mementingkan kualiti kerjanya sahaja dengan mengabaikan kualiti keluarga dan anak-anak. Malah wanita dikehendaki mendahulukan suami dan anak-anaknya

⁶³ Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn (1986), *op. cit.*, hal. 121-122.

⁶⁴ Dr. Yūsuf al-Qaradāwī (1996), *op. cit.*, hal. 162; lihat juga al-Sayyid Muḥammad Ḥusain Faḍl Allāh (1992), *Ta'ammulāt Islāmiyyah Hawl al-Mar'ah*, c. 2. T.T.P.: Dār al-Malāk, hal. 39.

daripada kerjaya. Ini kerana Islam telah menetapkan bahawa kebahagiaan suami dan anak-anak adalah teras dan tanggungjawab utama sebagai seorang isteri dan ibu. Ini bermakna wanita tidak harus menghabiskan lebih banyak masanya untuk bekerja berbanding dengan masa untuk bersama keluarga. Ini kerana tugas asasi mereka adalah tugas⁴ rumahtangga. Wanita yang lebih banyak menghabiskan masa dan tenaganya untuk pekerjaan luar mungkin tidak mampu lagi untuk melaksanakan tugas-tugas asasinya dengan sempurna.⁶⁵

Jika semua syarat-syarat di atas dapat dipenuhi dan disempurnakan maka kaum wanita mampu memberi sumbangan besar terhadap pembangunan masyarakat dan negara. Wanita yang keluar bekerja akan menjadi lebih efektif dan produktif dalam memberikan sumbangan terhadap negara untuk kebaikan semua pihak.

3.9 KESAN WANITA BEKERJA

Penglibatan wanita dalam kerjaya⁶⁵ memberikan pelbagai implikasi terutamanya bagi mereka yang mempunyai dwikerjaya iaitu sebagai pengurus rumahtangga dan sebagai pekerja. Ini kerana kedua-dua bidang tugas tersebut memerlukan komitmen yang tinggi sama ada dari segi masa mahupun tenaga.⁶⁶ Kesan wanita bekerja boleh dilihat dari dua sudut yang berbeza iaitu positif dan negatif sama ada kepada diri sendiri, keluarga mahupun masyarakat.

⁶⁵ Dr. Yūsuf al-Qaradāwī (1996), *op. cit.*, hal. 158, 159 dan 163; lihat juga 'Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn (1986), *op. cit.*, hal. 119-120.

⁶⁶ Prof. Madya Dr. Azizah Kassim (1985), *Wanita dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., hal. 56; lihat juga Noor Aini Khalifah et al. (1996), *op. cit.*, hal. 30-35.

3.9.1 Kesan positif wanita bekerja

Penglibatan wanita dalam kerjaya dapat memberikan beberapa kesan positif. Antaranya ialah kesan positif terhadap diri wanita itu sendiri. Contohnya dengan bekerja, wanita dapat memupuk sifat-sifat yang baik seperti sabar dan bertolak ansur selain dapat meningkatkan status serta mewujudkan keyakinan dalam diri mereka.⁶⁷ Wanita yang bekerja juga boleh berdikari serta dapat mengelakkan rasa jemu dengan hanya tinggal di rumah.

Selain itu, penglibatan wanita dalam pekerjaan di luar rumah turut menyumbangkan kesan positif terhadap keluarga terutamanya dalam menambah dan mengukuhkan ekonomi keluarga. Ini kerana, dengan bekerja wanita sekurang-kurangnya dapat membantu meringankan beban suami dan menampung keperluan harian keluarga. Wanita yang bekerja juga dapat mengatasi perasaan bimbang mereka terhadap masa depan keluarga jika berlaku sesuatu keadaan yang di luar jangkaan. Di pihak anak-anak pula, mereka akan menjadi lebih berdikari kerana menyedari kesibukan ibu mereka.

Di samping itu wanita yang bekerja turut menyumbangkan kesan positif terhadap masyarakat. Antaranya ialah dapat memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan negara.⁶⁸ Apa yang lebih penting, wanita bekerja dapat menyumbangkan kepakaran yang mereka ada khususnya kepada kaum sejenis.

⁶⁷ Khalijah Mohd Salleh (1994), *Wanita dan Alam Perjuangannya*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, hal.39.

⁶⁸ *Ibid.*

3.9.2 Kesan negatif wanita bekerja

Selain kesan positif, penglibatan wanita dalam lapangan kerjaya turut meninggalkan beberapa kesan negatif. Antaranya ialah kesan terhadap diri sendiri, rumahtangga, suami dan anak-anak sehingga berlanjutan kepada permasalahan yang berkaitan dengan pembangunan sosial masyarakat.

Antara kesan negatif terhadap diri wanita itu sendiri ialah seperti perasaan bersalah terhadap anak-anak kerana terpaksa meninggalkan mereka di bawah jagaan orang lain sepeninggalannya untuk bekerja. Selain itu, dalam situasi tertentu wanita kadang kala terpaksa mendedahkan aurat atau bergaul dengan lelaki *ajnabi*. Lebih membimbangkan wanita bekerja turut terdedah kepada masalah penderaan seksual semasa berada di tempat kerja.

Selain itu kajian terbaru turut membuktikan wanita yang bekerja lebih kerap berhadapan dengan tekanan perasaan (*stress*) dan tekanan yang keterlaluan atau tidak terkawal boleh mempengaruhi tahap kesuburan seseorang wanita.⁶⁹ Ini kerana kesan dari tekanan tersebut menyebabkan hormon dalamannya tidak seimbang, kegagalan proses ovulasi (tidak ada telur yang keluar dari ovari) dan menyukarkannya untuk hamil. Lebih menyulitkan keadaan jika ia berlanjutan sehingga mengakibatkan mandul.⁷⁰

⁶⁹ Ismail Sualman, "Stres Ancaman terhadap Individu", *Wanita*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (Malaysia) Bhd., bil. 400, November 2002, hal. 104; lihat juga Discovery Health Channel, <http://health.discovery.com/convergence/stress/relief.html>, 14 Oktober 2002; lihat juga MSN Health, Condition Centers, <http://content.health.msn.com/content/article.html>, 14 Oktober 2002.

⁷⁰ Jamilah Jamaludin (1998), *Wanita dan Masalah Kesihatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 31; lihat juga Teoh Eng Soon (1996), *Infertility Finding The Right Solution*. Singapore: Times Books International, hal. 157; lihat juga Abul Fadl Mohsin Ebrahim (1989), *Abortion, Birth Control and Surrogate Parenting an Islamic Perspective*. T.T.P.: American Trust Publications, hal. 50.

Di samping itu, penglibatan wanita dalam kerjaya turut memberi kesan kepada pihak suami.⁷¹ Suami akan merasa kehilangan tempat untuknya bermanja dan bermesra lantaran kesibukan isterinya dengan tugas di luar. Lebih memburukkan keadaan terdapat juga di kalangan wanita bekerja yang tidak mempunyai waktu untuk melayani seks suami. Mengikut psikologi, kegagalan suami memperolehi layanan seks yang sepatutnya akan mendatangkan kesan buruk atas dirinya. Antaranya dia boleh menjadi seorang yang garang dan panas baran. Ini boleh menimbulkan masalah komunikasi dalam keluarga sehingga rumahtangga menjadi tegang dan dingin. Keadaan ini seterusnya mendorong suami untuk berpoligami.⁷²

Kesan negatif terhadap anak-anak turut tidak terkecuali apabila seseorang wanita bekerja.⁷³ Anak-anak akan merasa tersisih dari perhatian, kasih sayang dan belaian seorang ibu. Walaupun sepinggalkan ibunya, mereka berada di bawah pengawasan seorang pengasuh yang baik, namun ia masih tidak dapat menggantikan kekosongan tempat ibu mereka yang keluar bekerja. Bagaimana anak-anak akan memperolehinya jika sekembalinya ibu dari bekerja, dia berada dalam keadaan letih, lesu dan penuh ketegangan. Keadaan fizikal dan psikologinya tidak mengizinkan untuk memberikan perhatian dan didikan yang baik terhadap anak-anak. Kegagalan ini bererti kegagalan seorang wanita yang bergelar ibu memainkan peranannya sebagai pendidik kepada anak-anak. Secara

⁷¹ Dr. Kāmīliyā Ibrāhīm 'Abd al-Fatāh (1984), *Sikulūjiyyah al-Mar'ah al-'Āmilah*. Beirut: Dār al-Nahdah al-'Arabiyyah, hal. 96; lihat juga Muḥammad al-Sayyid Muḥammad al-Za'balāwī (1984), *op. cit.*, hal. 181-183.

⁷² Dr. Yūsuf al-Qaradāwī (1996), *op. cit.*, hal. 157-158; lihat juga Khalijah Mohd. Salleh (1994), *op. cit.*, hal. 21.

⁷³ Dr. Kāmīliyā Ibrāhīm 'Abd al-Fatāh (1984), *op. cit.*, hal. 94; lihat juga Muḥammad al-Sayyid Muḥammad al-Za'balāwī (1984) *op. cit.*, hal. 183-185.

tidak langsung ia membantutkan usaha untuk melahirkan generasi yang berkualiti pada masa hadapan.⁷⁴

Nawwāb al-Dīn (1986) pula menyatakan, kesibukan wanita menceburi pelbagai sektor pekerjaan sama ada dalam bidang politik, ekonomi, pentadbiran, sosial dan sebagainya telah menyebabkan mereka tidak lagi berminat untuk melahirkan anak yang ramai.⁷⁵ Ini kerana selain dari sudah penat bekerja, mereka juga bimbang tentang masalah penjagaan anak-anak, masa yang terhad untuk bersama mereka bahkan lebih buruk lagi ada yang menganggap tugas mendidik anak-anak sebagai suatu yang amat berat dan membebankan. Oleh itu dapat dilihat pada hari ini, ramai wanita yang bekerja memutuskan untuk mempunyai bilangan anak yang sedikit dan ahli keluarga yang lebih kecil.⁷⁶

Di samping itu al-Qaradāwī (1996) juga menyebut penglibatan wanita yang keterlaluan dalam lapangan kerjaya boleh memberi impak terhadap akhlak masyarakat sama ada lelaki atau wanita.⁷⁷ Ini mungkin berlaku apabila wanita telah hilang sifat malunya sehingga sanggup menjalinkan hubungan sulit dengan rakan sekerja lelaki walaupun pada hakikatnya mereka telah bersuami dan berkeluarga. Di pihak lelaki pula, mereka mungkin mengabaikan tanggungjawab terhadap rumahtangga apabila telah tertarik dengan rakan sekerja wanita bahkan mula memasang angan-angan untuk berkahwin dengannya sehingga sanggup menceraikan isterinya.

⁷⁴ Dr. Yūsuf al-Qaradāwī (1996), *op. cit.*, hal. 158; lihat juga Dr. 'Abd al-Karīm Zaidān (1968), *op. cit.*, hal. 123.

⁷⁵ 'Abd al-Rabb Nawwāb al-Dīn (1986), *op. cit.*, hal. 44-45.

⁷⁶ Dr. Kāmīliyā Ibrāhīm 'Abd al-Fatāh (1984), *op. cit.*, hal. 93.

⁷⁷ Dr. Yūsuf al-Qaradāwī (1996), *op. cit.*, hal. 159.

Kesan lain dari penglibatan wanita dalam kerjaya ialah boleh merosakkan kehidupan sosial kerana terkeluar dari fitrah semulajadi serta meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya. Contohnya masyarakat menjadikan harta sebagai matlamat utama.⁷⁸ Agenda kehidupan mereka hanyalah semata-mata mengejar wang ringgit, pangkat, harta serta kedudukan. Rentetan itu wanita tanpa mengira latarbelakang sosial dan pendidikan merasa terpanggil untuk bekerja tanpa mengira kesesuaiannya dengan fitrah biologi mereka serta ganjaran yang akan diterima sama ada setimpal dengan tenaga yang dicurahkan ataupun sebaliknya.

Kesimpulannya, Islam tidak menghalang kaum wanita untuk menceburkan diri dengan aktiviti di luar rumah sama ada untuk memenuhi keperluan peribadi, keluarga, masyarakat mahupun negara. Apa yang penting penglibatan tersebut mestilah mengikut landasan yang telah ditetapkan bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan umat seluruhnya. Dalam masa yang sama peluang yang telah diberikan oleh Islam untuk kaum wanita ini tidak boleh disalah ertikan dengan menganggap kerjaya sebagai medan bagi mereka untuk lepas bebas daripada tugas asasi dalam rumahtangga, apatah lagi dengan memandang remeh terhadap urusan mendidik anak-anak.

⁷⁸ *Ibid.*; lihat juga Abdul Ghani Shamsuddin (1993), "Sekitar Persoalan Islam", dalam Abdul Ghani Shamsuddin (ed), *Tokoh-Tokoh Wanita Mithaliyah*, c. 2. Selangor Darul Ehsan: Budaya Ilmu Sdn. Bhd., hal. 10.